

# AL-HIKMAH

<b>Jilid</b>	<b>7</b>	<b>ISSN 1985-6822</b>	<b>2015</b>
<b>No.</b>	<b>1</b>		<b>1436</b>

- TOLERANSI BERAGAMA DAN HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN PELAGANDONG DALAM KALANGAN MUSLIM DAN KRISTIAN DI AMBON...3-16  
*Mu'alim, Jaffary Awang & Ibrahim Abu Bakar*
- MENGATASI KELEMAHAN PROFESIONALISME DALAM KERJA MELALUI PENGHAYATAN KAREKTER HAMBA-HAMBA AR-RAHMAN...17-32  
*Hisham Ahmad & Wan Nasyrudin Wan Abdullah*
- DAKWAH DALAM DIMENSI KEROHANIAN PENJAGAAN PALIATIF MENURUT PENDEKATAN BADI' AL-ZAMAN SA'ID AL-NURSI...33-47  
*Muhammad Rif'at Razman & Salasiah Hanin Hamjah*
- APLIKASI GAYA KEPIMPINAN JURUTERA MUSLIM DI NEGERI MELAKA...48-61  
*Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Rosli Saadan, Adawiyah Ismail & Mohd Mazli Mohd Aini*
- PENYEDIAAN KEMUDAHAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI MASJID-MASJID: KAJIAN KES DI MASJID-MASJID DAERAH BATANG PADANG ...62-78  
*Abdul Munir Ismail, Mazdi Marzuki, Mohd Noor Daud & Abdul Hadi Borham*
- KERESAHAN PELAJAR KETIKA MEMPELAJARI BAHASA ARAB...79-94  
*Nur Pratiwi & Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad*
- KEMAHIRAN PSIKOLOGI DAKWAH KEPADA GOLONGAN REMAJA...95-101  
*Fariza Md Sham*
- RELEVANSI APLIKASI SANAD DALAM PENGAJIAN ISLAM PADA MASA KINI...102-118  
*Sakinah Saptu, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Latifah Abd. Majid & Ahamad Asmadi Sakat*
- KESAN TERAPI RUQYAH DALAM MERAWAT PESAKIT HIV/AIDS ...119-131  
*Haslinda Lukman, Latifah Abd. Majid & Wan Nasyrudin Wan Abdullah*
- HUBUNGAN PELAKSANAAN AKTIVITI DAKWAH MELALUI KESENIAN TERHADAP PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH...132-148  
*Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Rosmawati Mohamad Rasit*
- KONSEP JIHAD YUSUF AL-QARADAWI DALAM KARYA FIQH AL-JIHAD...149-171  
*Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi & Ahmad Dahlan Salleh*
- THE RELATIONSHIP BETWEEN SPIRITUAL AND TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP TOWARD INTENTION TO STAY: A STUDY IN A POLITICAL ENVIRONMENT...172-184  
*Zaini Jamaludin & Zulkefli Aini*
- BOOK REVIEW...185-188  
*Fariza Mad Sham, Nur Damia Husna Nor Sad, Zulaikha Farhana Zainal Abidin & Amirah Mad Radzi*

*Al-Hikmah 7(1) 2015: 102-118*

## Relevansi Aplikasi Sanad dalam Pengajian Islam Pada Masa Kini

The Relevance of Sanad Application in Islamic Studies Nowadays

SAKINAH SAPTU\*  
WAN NASYRUDIN WAN ABDULLAH  
LATIFAH ABD. MAJID  
AHAMAD ASMADI SAKAT

### ABSTRAK

Mutakhir ini sikap ekstrem sesetengah pihak dalam mementingkan sanad berlaku dalam pengajian Islam. Sikap ini telah melahirkan tanggapan bahawa apa sahaja ilmu berkaitan dengan agama Islam perlu kepada sanad. Ia juga menyebabkan segelintir masyarakat beranggapan bahawa menjadi kesalahan, jika ilmu agama dipelajari tanpa melalui sistem sanad. Oleh itu, kertas kerja ini dihasilkan bagi mengenalpasti tujuan sanad pada zaman dahulu dan kini dan mengenalpasti adakah aplikasi sanad masih relevan pada masa kini. Kajian berbentuk kualitatif ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kajian sejarah. Data pula dikumpul dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa sanad pada zaman dahulu bertujuan untuk (1) mengenalpasti identiti para perawi yang terkandung dalam jalur periwayatan hadith (2) menilai status para perawi dari sudut *'adalah* dan *dhabit* (3) menentukan kredibiliti para perawi dalam periwayatan sama ada ianya diterima atau ditolak dan (4) menentukan kesahihan sesebuah hadith. Manakala pada zaman ini, tujuan sanad lebih untuk (1) mengekalkan *silsilah* (rantaian) sanad (2) meneruskan tradisi pembelajaran ulama terdahulu (3) mendapatkan *tabarruk* (keberkatan) lantaran terdapat kesinambungan sanad tersebut kepada Rasulullah s.a.w. Dengan itu, aplikasi sanad dalam pengajian Islam pada masa kini dilihat tidak relevan lantaran tujuan sanad sudah tertunai. Di samping, keberadaan sanad kurang bermanfaat kerana para perawi di zaman sekarang tidak boleh diperiksa kredibilitinya.

**Kata Kunci:** *Relevansi Aplikasi Sanad, Tujuan Sanad, Sejarah Sanad, Sanad Masa Kini*

### ABSTRACT

Recently, extreme attitude in some quarters emphasizes the *sanad* occurs in Islam. The attitude during study has produced the notion that anything science related to Islam need to *sanad*. It also causes some people think that to be a mistake, if we study the science of religion without going through the *sanad* system. Therefore, this paper produced for the purpose of identifying the *sanad* in the past and present and identify whether *sanad* applications is still relevant today. This qualitative research was conducted using historical research approach. Data were collected and analyzed using content analysis. The results showed that in the past the *sanad* aims to (1) identify the identity of the narrators of hadith contained in the transmission path (2) assess the status of the narrators of the corner *'is* and *dhabit* (3) determine the credibility of the narrators in the transmission whether it is received or rejected and (4) determine the validity of a hadith. Whereas during this period, the purpose of the *sanad* is to (1) maintain *silsilah* (*sanad*) (2) continues the tradition of previous scholars learning (3) get *tabarruk* (blessing) because there is a continuation of the *sanad* to the Prophet. Thus, the *sanad* application in Islamic studies now seen to be irrelevant because the purpose of the *sanad* already materialize. In addition, the existence of *sanad* unimportant because the narrators today can not be examined the credibility.

**Keywords:** *Relevance Sanad Applications, the Purpose of the Sanad, the History of the Sanad, the Sanad in Nowadays*

## PENGENALAN

*Sanad* ialah rantaian perawi yang menghubungkan kepada *matan* (Mahmud Tahhan 1996). Ianya berperanan memindahkan hadith dari seorang individu kepada individu yang lain, sehingga sampai kepada individu (pertama) yang membicarakan tentangnya (Muhammad 'Ajjaj al-Khatib 1989; Nur al-Din 'Itr 1997). Dalam perspektif kajian ini, *sanad* merupakan bentuk senarai rantaian individu perawi yang merangkumi generasi perawi terkini hingga kembali kepada Nabi SAW atau para sahabat (Graham 1993).

*Sanad* sudah bermula sejak zaman Rasulullah SAW (al-A'zami 1992) dan aplikasinya dalam pengajian Islam masih diteruskan hingga ke hari ini (Raja Ahmad Mukhlis 2011c; Khafidz Soroni 2014). Walaupun ia tidak dilaksanakan secara sepenuhnya dalam sistem pengajian Islam dan sering dikendalikan sebagai kursus, kuliah singkat dan mingguan, tetapi ia tetap disambut baik oleh masyarakat Islam. Di Singapura contohnya, hampir setiap institusi yang menyediakan khidmat pengajaran al-Quran memperkenalkan kursus *talaqqi* (perjumpaan atau pertemuan) mempelajari al-Quran secara *bersanad*. Ini adalah sebagaimana yang terdapat di Darul Quran Singapura (DQS) Masjid Kampung Siglap, Masjid Omar Kampong Melaka, Darul Huffaz, Markaz al-Jazari dan Pergeraq (Persatuan Guru-Guru al-Quran Singapura). Di samping itu, terdapat pusat pendidikan agama, seperti Tradisi Halaqah, Singapura yang berusaha melestarikan pengajian

bersanad untuk kitab-kitab hadith seperti kitab *Tuhfah al-Ahwazi* dan *Misykat al-Masabih*.

Institusi dan pusat pengajian agama yang disebutkan di atas, bukan menunjukkan jumlah sebenar institusi yang bergerak meneruskan pengajian Islam bersanad di Singapura. Institusi tersebut disenaraikan sekadar untuk memberi gambaran bahawa fenomena pengajian Islam secara bersanad masih wujud hingga ke hari ini. Bahkan banyak usaha dilakukan agar ianya terus bergerak dan tidak mati ditelan arus globalisasi. Tetapi, adakah sistem *sanad* yang ada pada masa kini mempunyai tujuan yang sama sebagaimana yang terdapat pada masa dahulu? Dan adakah mengaplikasikan sistem *sanad* dalam pengajian Islam merupakan satu usaha yang relevan pada masa kini? Maka kertas kerja ini dihasilkan bagi membahaskan tentang relevansi aplikasi *sanad* dalam pengajian Islam pada masa kini.

## PERNYATAAN MASALAH DAN PERSOALAN KAJIAN

Kesedaran untuk mengekalkan sistem *sanad* merupakan satu fenomena yang baik agar pengajian berbentuk tradisi dihidupkan dan diteruskan. Namun, kesedaran meneruskan sistem bersanad, telah melahirkan sikap ekstrem pada sesetengah masyarakat Islam. Ia disebut sebagai ekstrem, lantaran sikap ini telah melahirkan tanggapan bahawa apa sahaja ilmu berkaitan dengan agama Islam, memerlukan kepada *sanad*. Ketiadaan *sanad* menyebabkan ilmu tersebut tertolak. Perkara ini telah disebut oleh Munzir (2008) dalam laman webmajelisrasulullah.org. beliau menjelaskan bahawa semua ilmu perlu kepada *sanad*:

“Tiada ilmu tanpa *sanad*, maksudnya semua ilmu (iaitu): Hadith, Fiqh, Tauhid, al-Quran, mestilah ada jalur gurunya kepada Rasulullah s.a.w, atau kepada sahabat, atau kepada Tabiin, atau kepada para imam-imam. Maka jika ada seorang mengaku pakar hadith dan berfatwa, namun dia tidak mempunyai *sanad* guru, maka fatwanya *mardud* (tertolak), dan ucapannya dhaif, dan tidak boleh dijadikan dalil untuk diikuti, kerana *sanadnya maqtu'* (terputus).”

Di laman web yang sama juga, Munzir (2011) telah memberikan seluruh *sanad* keilmuan yang terdiri dari *sanad* al-Quran dalam tujuh *Qira'ah*, seluruh *sanad* hadith riwayat imam *al-sab'ah*, seluruh *sanad* hadith riwayat *muhaddithin*, seluruh fatwa dan kitab syariah dari empat Mazhab dan seluruh cabang ilmu Islam kepada seorang ahli forum bernama Jozer. Melalui tindakan Munzir tersebut, jelas menunjukkan bahawa beliau memaksudkan semua ilmu memerlukan kepada *sanad*, dan ketiadaan *sanad* dalam ucapan seseorang tidak boleh dijadikan sebagai dalil (Munzir, 2008).

Selain dari itu, sikap ekstrem juga melahirkan tanggapan bahawa menjadi kesalahan jika sesuatu ilmu dalam Islam tidak dipelajari secara bersanad. Ini kerana, menurut Raja Ahmad Mukhlis (2011), ketiadaan *sanad* dalam

pengambilan ilmu Islam bermakna seseorang telah menyalahi golongan *al-sawad al-a'zam*<sup>1</sup>. Tambahan pula, menurut Munzir (2007), tiada ilmu tanpa *sanad*, maka fatwa tanpa *sanad* adalah batil. Menurut Firanda Andirja (2012) pula, timbul tanggapan bahawa menjadi kesalahan jika sesuatu ilmu itu tidak dipelajari secara *bersanad*, kerana mereka yang mementingkan *sanad* melihat individu yang *bersanad* seakan-akan maktum (terjaga dari kesalahan) lantaran ilmunya itu sampai kepada Rasulullah SAW. Kalau tidak sampai kepada Rasulullah SAW sekalipun, keberadaan *sanad* cukup sebagai penanda seolah-olah ianya sah dan sampai kepada baginda Nabi saw. (Graham 1993)

Isu tentang melampau dalam mementingkan *sanad* yang disebutkan di atas, telah dibincangkan oleh Mohd Asri Zainal Abidin (2011) dan Firanda Andirja (2012). Menurut Mohd Asri Zainal Abidin, permasalahan tersebut berlaku akibat tidak faham tentang tujuan *sanad* yang asalnya untuk menilai kredibiliti perawi yang terkandung dalam jalur periwayatan hadith. Penilaian ini bertujuan bagi menentukan status sesebuah hadith, sama ada ianya diterima atau ditolak. Akibat dari tidak faham tentang tujuan tersebut telah menyebabkan berlakunya salah faham terhadap *sanad*. Lantaran itu, Firanda Andirja (2012) telah menjelaskan bahawa isu salah faham timbul berikutan dari istilah *al-isnad min al-din* (*sanad* adalah sebahagian dari agama) yang dikemukakan oleh Ibn al-Mubarak. Menurut beliau lagi, istilah tersebut telah melahirkan tanggapan bahawa apa sahaja ilmu berkaitan dengan agama Islam perlu kepada *sanad*. Sedangkan istilah *ibn al-Mubarak* yang dimuatkan oleh Muslim (2001) dalam pendahuluan kitab *Sahihnya*, secara jelas menunjukkan bahawa *sanad* yang dimaksudkan ialah *sanad* dalam periwayatan hadith Nabi saw bukan untuk semua ilmu pengajian Islam.

## PERSOALAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Permasalahan sama ada pengajian agama pada masa kini diambil secara *bersanad* ataupun tidak memerlukan kepada penilaian semula. Justeru, untuk mendapatkan solusi kepada permasalahan ini, ia perlu menjawab dua persoalan. Pertama, apakah perbezaan antara tujuan *sanad* pada zaman dahulu dan kini? Manakala kedua, adakah *sanad* masih relevan untuk dikekalkan dalam pengajian Islam pada masa kini? Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan tujuan *sanad* pada zaman dahulu dan mengenal pasti relevansi aplikasi *sanad* pada masa kini. Kajian ini penting lantaran ianya dapat membantu membetulkan sikap melampau dan kesalahfahaman masyarakat Islam terhadap sistem *sanad*. Dalam masa yang sama, ia juga dapat meletakkan *sanad* pada kedudukan yang selayaknya dalam pengajian Islam.

## TINJAUAN LITERATUR

Perbahasan berkenaan *sanad* dalam ilmu-ilmu Islam telah disentuh oleh Ab Ghuddah (1992) dalam kitabnya bertajuk *al-Isnad min al-Din*. Namun penulisan beliau, lebih kepada membahaskan maksud *al-isnad min al-din* dan menjejaki keberadaan kata-kata Ibn al-Mubarak tersebut, dalam kitab-kitab *turath* yang diperolehi dari pelbagai jalan periwayatan. Apapun dalam penulisan ini, beliau ada menyatakan bahawa *sanad* ialah syarat pertama dalam pengambilan semua ilmu Islam.

Graham (1993) pula merupakan sarjana Barat yang membahaskan tentang sistem *sanad*. Dalam artikelnya bertajuk *Traditionalism in Islam: An Essay in Interpretation*, menyatakan bahawa, sistem *sanad* memainkan peranan yang amat penting dalam Islam lantaran kebenaran tidak berada pada dokumen tetapi adalah hasil dari pertemuan individu dengan individu yang lain. Menurutnya, dokumen sahaja tanpa rangkaian individu (*sanad*) yang diperolehi dari sudut pengetahuan dan kelayakan dalam mengajarkan dan menyampaikannya kepada orang lain adalah tidak berguna. Menurutnya lagi, perkara seperti ini iaitu mementingkan rangkaian *sanad* bukan sahaja berlaku kepada hadis bahkan kepada al-Quran dan semua gerak kerja dakwah Islam dan pembelajarannya.

Raja Ahmad Mukhlis (2011a; 2011b; 2011c) adalah penulis yang banyak menyentuh tentang keperluan dan kepentingan mengaplikasikan *sanad* dalam ilmu-ilmu Islam pada masa kini. Beliau berpendapat bahawa sistem talaqqi *bersanad* adalah sebagai nadi penyebaran ilmu Islam. Tradisi meriwayatkan buku-buku dalam pelbagai disiplin ilmu Islam tidak terlepas dari manhaj talaqqi *bersanad* ini. Justeru, karya-karya ulama yang mengumpulkan *sanad* kitab-kitab *turath* Islam menunjukkan kepentingan *sanad* dalam pengajian Islam. Menurut beliau, sistem ini jika tidak dipelihara akan merosakkan sistem pengajian Islam dan melahirkan generasi yang rosak kefahaman Islamnya. Menurutnya lagi, kelayakan menyampaikan ilmu agama boleh dipertikaikan lantaran tidak mempunyai *sanad* ilmu tersebut yang diperolehi melalui sistem talaqqi *bersanad*. Di samping, sistem talaqqi *bersanad* adalah sistem yang jika ditolak dan diketepikan bermakna seseorang itu telah menolak golongan *al-sawad al-a'zam* (ahli sunnah wa al-jamaah).

Dalam perbahasan lain pula, Farhah Zaidar et al. (2013) telah mengkaji tentang sistem talaqqi *bersanad* dalam pengajian Hadith. Kajian beliau lebih tertumpu pada pengaplikasian sistem ini dalam pengajian hadith di Malaysia. Dalam kajian ini, beliau menyatakan bahawa implikasi utama aplikasi *talaqqi bersanad* ialah mengekalkan *silsilah sanad* hingga kepada sanadaran mutlak sumber hadith iaitu Rasulullah s.a.w. Justeru, aplikasi *talaqqi bersanad* menurutnya tidak dipinggirkan dan terus dikekalkan hingga ke hari ini.

Khafidz Soroni (2014) juga telah membahaskan tentang *sanad* dalam pengajian Islam. Dalam artikelnya bertajuk 'Pengajian *bersanad* tetap Relevan' menyatakan bahawa ketiadaan pengajian *bersanad* dalam sistem pengajian dan

pendidikan umat Islam mampu menjadi tanda dekatnya kehancuran umat ini. Ini kerana menurutnya kelak tiada orang-orang berilmu yang penuh keberkatan. Lalu orang mengambil ahli-ahli ilmu yang jahat, tiada keberkatan dan orang-orang jahil sebagai tempat rujuk dan pemimpin agama mereka.

Perbahasan lepas yang dikemukakan oleh Abu Ghuddah (1992) menunjukkan *sanad* menjadi syarat kepada penyampaian ilmu-ilmu Islam. Dalam pada itu, Graham (1993) menjelaskan *sanad* menjadi satu sistem penting kerana melibatkan pertemuan antara seorang individu dan individu yang lain dalam pemindahan hampir kepada semua ilmu pengajian Islam. Selain dari itu, perbahasan yang dikemukakan oleh Raja Ahmad Mukhlis (2011a, 2011b, 2011c), Farhah Zaidar et al. (2013) dan Khafidz Soroni (2014) pula menunjukkan *sanad* merupakan satu sistem pembelajaran tradisi yang perlu dipertahankan dalam Islam dan diteruskan hingga ke hari ini. Namun, perbahasan lepas Raja Ahmad Mukhlis, Farhah Zaidar dan Khafidz Soroni tersebut berbeza dengan isi perbahasan Ali Tantawi (2006), Mohd Asri Zainal Abidin (2011), dan Firanda Andirja (2012). Dalam penulisan mereka, ketiga-tiga mereka sependapat bahawa sistem *sanad* tidak diperlukan dalam pengajian Islam dewasa ini.

Ali Tantawi (2006) menulis bahawa kegunaan *sanad* tidak lagi penting sebagaimana pentingnya *sanad* di zaman awal Islam iaitu untuk memastikan kesahihan hadith. Begitu juga dengan Mohd Asri Zainal Abidin (2011) mengatakan kajian *sanad* hanya dilakukan antara pembuku kitab hadis hingga kepada Nabi s.a.w. Menurutnya, *sanad* pada zaman sekarang mungkin hanya tradisi dan bukan untuk memastikan kesahihan riwayat. Manakala menurut Firanda Andirja Abidin (2012), *sanad* pada zaman sekarang kurang manfaatnya kerana perawi selepas penulis kitab hingga ke zaman ini tidak diperiksa keperibadiannya. Kalaupun dari zaman ini hingga kepada penulis kitab perawi yang tersenarai dalam rantaian *sanad* itu adalah perawi yang *thiqah*, ia masih lagi perlu diperiksa perawinya dari zaman guru penulis kitab hingga ke Rasulullah saw.

Jelas bahawa perbahasan aplikasi *sanad* dalam pengajian Islam sama ada pada zaman dahulu dan kini telah disentuh dalam penulisan-penulisan lepas. Persoalannya di sini, mengapa masih tiada jalan keluar untuk menentukan relevansi aplikasi *sanad* pada masa kini? Benarkah ketiadaan *sanad* dianggap sebagai satu kekurangan dan melemahkan sistem pengajian Islam pada masa kini sehingga menimbulkan dakwaan berbaur ekstrem di kalangan sesetengah masyarakat Islam terhadap sistem pengajian yang tidak *bersanad*? Persoalan-persoalan tersebut belum lagi terjawab dalam kajian-kajian lepas, justeru satu kajian tentang relevansi aplikasi *sanad* dalam pengajian Islam pada masa kini dijalankan bagi menjawab persoalan itu dan mengembalikan sistem *sanad* ditempat yang sewajarnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian yang dijalankan adalah kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian sejarah. Melalui pendekatan ini, data berkaitan tujuan *sanad* dalam pengajian Islam pada masa lampau dikumpul dan dinilai bagi membantu menjawab persoalan-persoalan yang timbul dalam sistem pengajian *bersanad* pada hari ini.

Pengumpulan data pula dijalankan sepenuhnya dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Pemilihan setiap bahan rujukan ialah berkaitan dengan *sanad* dalam Islam yang kebanyakannya terkandung dalam kitab bertemakan '*Ulum al-Hadith* dan *Tadwin al-Hadith*. Ini bermakna sample yang akan digunakan untuk analisis kandungan ini ialah berbentuk persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Antara kitab yang digunakan dalam pengumpulan data ialah *al-Hadith wa al-Muhaddithun* oleh Abu Zahwu, *Manhaj al-Naqdi fi 'Ulum al-Hadith* oleh Nur al-Din 'Itr, *'Usul al-Hadith 'Ulumuhu wa Mustalahuhudanal-Sunnah Qabla al-Tadwin* oleh Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Dirasat fi al-Hadith al-Nabawiyy wa Tarikh Tadwinihi* oleh al-A'za'i, *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyyah Nasy'atuhu wa Tatawwaruhu* oleh al-Zahrani dan *al-Sunnah wa Makanatuhu fi al-Tasyric* oleh al-Siba'i. Penganalisan data dalam kajian ini pula dilakukan secara deskriptif dan interpretasi.

## PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

### Tujuan Sanad Zaman Dahulu Dan Kini

Tujuan *sanad* pada zaman dahulu ialah untuk menilai kredibiliti para perawi hadith (Ali Tantawi 2006; Mohd Asri Zainal Abidin 2011; Firanda Andirja 2012). Ia dapat dibuktikan dengan melihat kepada sejarah permulaan kajian *sanad*. Kajian *sanad* bermula berikutan keprihatinan para sahabat setelah berlakunya fitnah di akhir pemerintahan Khulafa' al-Rasyidun pada tahun 40H (Muhammad 'Ajjaj al-Khatib 1988; al-Siba'i 2003; al-Zahrani 2010). Al-'Umari (1984), Muhammad 'Ajjaj al-Khatib (1989) dan al-Siba'i (2003) telah membincangkan faktor yang mendorong kepada keprihatinan tersebut. Ketiga-tiga mereka sependapat bahawa faktor yang mendorong kepada keprihatinan tersebut ialah, penyelewengan dan penyandaran pada nama Nabi saw untuk tujuan politik, agama, bangsa dan ekonomi. Lantaran itu, ia telah meningkatkan keprihatinan para sahabat, bahkan generasi tabiin terhadap kajian *sanad*. Hal ini sejajar dengan apa yang telah diriwayatkan oleh Muslim (2001) dalam pendahuluan kitab Sahihnya daripada Ibn Sirin, beliau berkata:

“Mereka dahulu tidak pernah bertanya tentang *sanad*, tetapi tatkala berlakunya fitnah, mereka berkata: Sebutkan kepada kami siapa perawi (hadith) kamu. Maka tatkala mereka melihat kepada ahl al-Sunnah, mereka ambil hadis itu dan bila mereka melihat kepada ahli bidaah, mereka tidak menerima hadis dari mereka.”



Melalui kenyataan Ibn Sirin tersebut, menunjukkan bahawa sesiapa yang menyampaikan sesebuah hadith perlu menyatakan nama perawi hadith agardapat dikenalpasti identiti mereka bagi menentukan kredibiliti mereka dalam periwayatan hadith. Jika perawi hadith tersebut menepati syarat adalah dan *dhabit* yang telah ditetapkan oleh majoriti ulama hadith dalam periwayatan (Nur al-Din 'Itr 2010), maka hadithnya diterima. Jika tidak menepati syarat, ianya ditolak.

Pada masa timbulnya keprihatinan untuk mengenalpasti kredibiliti perawi hadith, *sanad* belum menjadi sebuah subjek yang tersusun dari sudut teori dan praktikal. Justeru itu, dalam menentukan kredibiliti para perawi hadith, para sahabat dan tabiin serta generasi selepas mereka telah melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

Pertama, kajian *sanad* dilakukan secara aktif melalui aktiviti *rehlah* (al-Ramahurmuzi 1971; Muhammad 'Ajjajal-Khatib 1986). Aktiviti *rehlah* penting dalam kajian *sanad* hadith lantaran ia menyumbang ke arah *tahsil al-hadith* (memperolehi hadith), *al-tathabbut min al-hadith* (memastikan kesahihan hadith), *talab al-'uluww fi al-isnad* (mendapat *sanad* yang tinggi), *al-bahth 'an ahwal al-ruwat* (mengkaji status perawi) dan *muzakarah al-ulama fi naqd al-ahadith* (Perbincangan ulama' dalam kritikan hadith) (al-Khatib al-Baghdadi, 1975).

Kedua, *sanad* hadith dikumpul dan dibukukan (Muhammad 'Ajjaj al-Khatib 1988; al-Siba'i 2003; al-Zahrani 2010). Proses pengumpulan dan pembukuan ini berlaku seiring dengan pengumpulan dan pembukuan hadith Nabi saw. Justeru itu, proses pengumpulan dan pembukuan tersebut bermula secara serius pada zaman pemerintahan Umar Abd al-Aziz dan diteruskan oleh generasi seterusnya sehingga ianya tamat pada akhir abad ke-3H (al-Siba'i 2003; al-Zahrani 2005).

Ketiga, usaha pensisteman biodata perawi hadith. Sebelum usaha pensisteman tersebut, perbincangan tentang perawi hadith dilakukan secara *musyafahah* iaitu disampaikan antara satu dan yang lain dari generasi kepada generasi melalui lisan (al-Zahrani 2010). Justeru, Graham (1993) menyatakan bahawa usaha mensistamkan ciri-ciri rasmi *sanad*, mensistamkan data biografi setiap generasi perawi serta sistem penggunaan hadith telah dilakukan, berikutan ramai ulama dari setiap generasi terutamanya dari generasi pertama (sahabat r.a) telah meninggal dunia. Oleh itu, usaha ini perlu bagi membezakan antara riwayat yang sahih dan palsu mengenai Nabi Muhammad saw dan para sahabat.

Menurut al-Zahrani (2010), kemunculan kitab bertemakan ilmu *rijal al-hadith* dengan kitab-kitab dalam kategori al-Tabaqat<sup>3</sup>, *ma'rifah al-sahabah*<sup>4</sup> dan kitab-kitab *jarh wa al-ta'dil*<sup>5</sup> ialah antara akhir abad kedua dan pertengahan kurun ketiga hijrah dan penulisan-penulisan ini kemudiannya bertambah dan meluas selepas itu. Manakala kitab-kitab versi Tarikh al-Mudun yang menghadkan perbincangan pada biodata perawi hadith di negeri tertentu pula, muncul sejak pertengahan kedua dari kurun ketiga hijrah. Maka boleh dikatakan bahawa melalui kajian *sanad*, para ulama hadith telah membentuk *sanad* menjadi sebuah disiplin ilmu yang tersendiri dengan menghasilkan kitab-kitab bertemakan *rijal al-hadith* (Abu Zahwu 1984; al-Zahrani 2005).

Dengan itu, didapati bahawa inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh para sahabat, tabiin dan generasi selepas mereka dalam kajian *sanad* tersebut, telah berjaya membendung permasalahan penyelewengan dan penyandaran pada nama Nabi s.a.w. Inisiatif-inisiatif tersebut telah membentuk *sanad* menjadi sebuah disiplin ilmu yang tersendiri dan seterusnya membangun sebagai sebuah sistem yang *mudawwan* (tersusun) dari sudut teori dan praktikal.

Perbincangan tentang sejarah permulaan kajian *sanad* sehingga ia terbentuk menjadi sebuah sistem yang *mudawwan* (mencatat) menunjukkan bahawa *sanad* pada masa dahulu mempunyai empat tujuan utama; (1) mengenalpasti identiti para perawi yang terkandung dalam jalur periwayatan hadith dan (2) menilai status para perawi dari sudut *cadalah* dan *dabit*. Dari penilaian tersebut dapat (3) menentukan kredibiliti para perawi dalam periwayatan sama ada ianya diterima atau ditolak. Setelah itu, dapat (4) menentukan kesahihan sesebuah hadith.

Namun, tujuan *sanad* pada zaman ini berbeza dengan tujuan-tujuan yang telah disenaraikan di atas. Pada zaman ini, *sanad* bertujuan untuk (1) mengekalkan *silsilah* (rantai) *sanad* (Ibn Salah 1995; Khalid Marghub 2009; Farhah Zaidar et al. 2013) dan (2) meneruskan tradisi pembelajaran ulama terdahulu (Raja Ahmad Mukhlis 2011a, 2011b, 2011c). Manakala, ia juga dilihat sebagai satu bentuk untuk (3) mendapatkan *tabarruk* (keberkatan) lantaran terdapat kebersambungan *sanad* tersebut kepada Rasulullah saw. (Khalid Marghub 2009; Mohd Asri Zainal Abidin 2011; Mohd Asri Yusuf 2012)

Khalid Marghub (2009) dalam kajiannya bertajuk *Makanah al-Ijazah 'inda al-Muhaddithin baina al-Ifrat wa al-Tafrit al-Hasilin fiha min ba'di al-Muhaddithin* telah menjelaskan sebab mengapa berlaku perbezaan tersebut. Menurutnya perbezaan antara dua zaman tersebut ialah para ulama salaf r.a, mereka mengumpul hadith dari lembaran penulisan orang ramai dan dari perawi hadith, maka ia adalah keperluan kepada kaedah al-Sama<sup>c</sup> lantaran bimbang berlaku penyelewengan dan percampuran (antara sah dan dhaif). Situasi ini berbeza dengan zaman selepas pembukuan kitab dalam ilmu *matan* dan *sanad*. Faedah periwayatan selepas itu ialah persambungan rantai *sanad* kepada Nabi saw sebagai *tabarruk* (untuk mendapatkan keberkatan). Manakala *hujjah* pula tertegak dengan apa yang terkandung dalam hadith tersebut, mengetahui hadith yang sah dan dhaif dan mengambil ilmu dari kitab-kitab *jarh wa al-ta'dil* (penelitian terhadap perawi hadith).

Khalid Marghub (2009) juga menjelaskan bahawa perbezaannya ialah ulama *mutaqaddimun* tidak meriwayatkan hadith melainkan dengan *sanad* dan menamakan hadith yang tidak bersanad sebagai hadith *Mu'allaq*. Manakala ulama *mutaakhirun* pula, menghasilkan kitab-kitab *ahkam* dan sebagainya dengan membuang *sanad* dengan merujuk kepada apa yang telah ditetapkan oleh ulama yang terawal. Mereka bersetuju bahawa semua *muhaddith* tersebut benar dalam periwayatan secara al-Sama<sup>c</sup>.

Muhammad Zubayr Siddiqi (1993) dalam bukunya *Hadith Literature: Its Origin, Development & Special Features* juga telah menjelaskan tentang perbezaan tujuan *sanad* pada zaman dahulu dan kini. Tetapi beliau menjelaskan

perbezaan tersebut dalam bidang penulisan dan percetakan. Menurutnya, usaha menyatakan *sanad* mempunyai nilai yang besar pada zaman dahulu kerana bidang percetakan tidak berapa diketahui. Justeru, pada waktu itu sesebuah karya mudah disandarkan kepada bukan pemiliknya. Walaubagaimanapun menurutnya, dengan kehadiran mesin cetak pada zaman moden ini, menyatakan *sanad* dalam sesebuah karya kurang manfaatnya lantaran sebuah buku boleh dicetak dengan salinan yang sama.

Oleh itu, dapat dibezakan bahawa *sanad* antara kedua-dua zaman tersebut tidak mempunyai tujuan yang sama. Keperluan untuk mendapatkan *sanad* begitu penting pada generasi awal Islam kerana hadith berselerakan dan sukar dibezakan jika tidak dilakukan kajian *sanad*. Lantaran itu, *sanad* pada zaman dahulu mempunyai empat tujuan iaitu: (1) mengenalpasti identiti para perawi yang terkandung dalam jalur periwayatan hadith (2) menilai status para perawi dari sudut *'adalah* dan *dhabit* (3) menentukan kredibiliti para perawi dalam periwayatan sama ada ianya diterima atau ditolak dan (4) menentukan kesahihan sesebuah hadith. Dari sudut untuk memuatkan *sanad* dalam sesebuah kitab pula, ia dilihat penting kerana tiada kemudahan dalam bidang percetakan pada zaman dahulu. Justeru, memuatkan *sanad* pada masa itu bertujuan untuk membantu dalam mencegah penyandaran sesebuah kitab kepada bukan selayaknya.

Tetapi berikutan dari usaha pengumpulan dan pembukuan hadith, tujuan *sanad* sudah tertunai. Persambungan *sanad* pada zaman ini merupakan satu bentuk *tabarruk* (keberkatan) dan *hujjahnya* pula terletak pada isi kandungan hadith bukan *sanad*. Bahkan pada zaman selepas pembukuan kitab hadith, ulama *mutaakhirun* menghasilkan kitab-kitab mereka dengan membuang kebanyakan *sanad*. Dari aspek untuk memuatkan *sanad* dalam penulisan kitab pula, ia dinilai tidak penting lantaran wujudnya teknologi percetakan yang mampu menghasilkan salinan yang sama untuk sesebuah kitab.

### **Relevansi *Sanad* Pada Zaman Kini**

Perbincangan sebelumnya telah menunjukkan bahawa tujuan *sanad* pada zaman ini tidak sama sebagaimana pada zaman dahulu. *Sanad* pada zaman ini dilihat kurang bermanfaat. Justeru, adakah *sanad* masih lagi relevan pada masa ini? Khafidz Soroni (2014) berpendapat bahawa *sanad* tetap relevan pada masa kini. Menurutnya, pendapat yang mengatakan *sanad* pada zaman kini tidak lagi dijamin *kethiqahannya* dan persambungan *sanadnya*, adalah hasil dari kejahilan dan kesan penjajahan dalam sistem pendidikan. Malah, beliau berpendapat pandangan ibn Salah (1995) yang menyatakan bahawa “periwayatan dengan *isnad-isnad* yang bersambung bukanlah maksud daripadanya pada zaman kita ini...”, masih boleh dipertikaikan. Ini kerana menurut Khafidz Soroni (2014), *sanad* masih diperlukan untuk *mensabitkan* sesuatu riwayat dan wujudnya *sanad-sanad* yang masih *sabit* sama ada pada zaman Ibn Salah, sebelumnya mahupun selepasnya.

Raja Ahmad Mukhlis (2011) pula berpendapat bahawa sistem *bersanad* ialah sistem tradisi pewarisan ilmu sejak zaman *salaf* yang menjaga kemurnian sumber dan kefahaman agama. Justeru itu, aplikasi *sanad* menurutnya penting pada masa kini kerana ianya berbeza dengan sijil-sijil yang didapati di insitusi pengajian tinggi yang tidak mengandungi *sanad* keilmuan sehingga kita tidak tahu dari siapa guru yang mengajar kita mendapat kefahaman agama.

Dalam pada itu, Ibn Salah (1995), Mohd Asri Zainal Abidin (2011), Firanda Andirja (2012) dan Ahamad Asmadi Sakat (2014) telah menyatakan pendapat bahawa aplikasi *sanad* tidak relevan pada masa kini. Menurut Mohd Asri Zainal Abidin (2011) *sanad* di zaman ini sudah tiada nilai asal *sanad* iaitu mengkaji ketulenan riwayat. Ini kerana, para ulama yang mengumpul hadis seperti Ahmad ibn Hanbal, al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan lain-lain telah pun menyatakan *sanad* antara Nabi saw dan mereka. Kitab-kitab mereka telah tersebar dan tiada pertikaian yang menafikan kitab-kitab tersebut daripada mereka. Maka, *sanad* antara mereka dan kita sudah tidak diperlukan lagi.

Jawapan beliau tersebut sejajar dengan pendapat ibn Salah (1995) yang dikemukakan oleh beliau dalam kitabnya *Muqaddimah* ibn Salah. Beliau berpendapat bahawa:

“Bukanlah yang dimaksudkan *sanad* sebagaimana pada zaman kita dengan mengithbatkan hadith yang diriwayatkan dan mentashihkannya. Ini kerana tidak terlepas *sanad-sanad* tersebut (zaman beliau dan beberapa zaman sebelum itu) dari perawi yang tidak tahu apa diriwayatkan, atau tidak dabit (memelihara tulisan dan ingatan) apa yang dia catatkan dengan satu dabit yang layak untuk dipegang kesabitannya. Tetapi maksud periwayatan dengan *sanad-sanad* al-Muttasil ialah mengekalkan silsilah *sanad* yang menjadi keistimewaan umat ini”.


Ahamad Asmadi Sakat (2014) telah memberikan ulasannya berkenaan pendapat Ibn Salah di atas. Beliau bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Ibn Salah. Ini kerana menurutnya, yang dimaksudkan dengan *al-isnad* ialah mengetahui hukum hadith dari sudut penerimaan dan penolakan. Manakala keperluan kepada mengkaji *sanad* tersebut memadai dengan kajian *sanad* dari pemilik kitab hadith sehingga kepada Nabi s.a.w. Justeru, *sanad* selepas pembuku kitab hadith tidak memberikan sebarang implikasi terhadap status hadith.

Pendapat yang sama juga telah dinyatakan oleh Firanda Andirja (2012). Beliau telah menyatakan bahawa *sanad* pada masa kini tidak mempunyai kerelevannya sebagaimana pada masa dahulu. Dalam menjelaskan pandangannya, beliau telah menyatakan tiga jenis *sanad* yang ada pada zaman kini.

Dalam rajah 1 berikut, menunjukkan tiga jenis *sanad* hadith yang telah dikemukakan oleh beliau. Pertama: *sanad* yang bersambung kepada salah satu dari para penulis hadith. Di zaman sekarang ini, contohnya ada *sanad* yang bersambung hingga al-Bukhari, al-Tirmidhi atau kepada Abu Daud. Kedua: *Sanad* yang bertemu pada guru-guru para penulis tersebut, atau bertemu pada para perawi

yang berada di atasnya lagi (para guru kepada para guru kepada para penulis).  
Ketiga: *Sanad* yang melalui jalur lain hingga sampai kepada Nabi SAW tanpa melalui jalur para penulis kitab-kitab tersebut.

Rajah 1: Mekanisme *Sanad* Zaman Kini



Melalui rajah di atas, Firanda Andirja (2012) menganalisa tentang ketidakrelevanan *sanad* pada zaman kini. Menurutnya, fungsi *sanad* kurang bermanfaat di zaman kini jika berkaitan dengan *sanad* hadith Nabi saw. *Sanad* jenis pertama menunjukkan para perawi di bawah para penulis kitab hadith tersebut hingga perawi di zaman sekarang tidak boleh diperiksa kredibilitinya. Ini kerana biografi mereka tidak diperhatikan oleh para ulama dan tidak termaktub dalam kitab-kitab *al-jarh wa al-ta'dil*.

Manakala *sanad* jenis kedua pula menunjukkan, jika seluruh perawi tersebut dari zaman kini hingga ke penulis kitab dianggap *thiqah*, maka pemeriksaan tetap perlu dilakukan terhadap kedudukan para perawi dari zaman guru para penulis kitab-kitab hadith tersebut sehingga Rasulullah saw. Ini bermakna kajian *sanad* dilakukan terhadap para perawi yang terdapat dalam *sanad-sanad* yang terkandung dalam kitab-kitab hadith tersebut.

Akhir sekali, jenis *sanad* ketiga menunjukkan periwayatan hadith yang diriwayatkan oleh seseorang di zaman sekarang hingga zaman Rasulullah tanpa melalui jalur para penulis kitab-kitab hadith di atas. Maka tentunya kita akan mendapatkan minima sekitar dua puluh orang perawi. Untuk dua puluh orang perawi tersebut, tidak mungkin kita menyelidiki kredibiliti mereka kerana tidak ada kitab-kitab *al-Jarh wa al-ta'dil* yang menjelaskan tentang biografi mereka.

Maka atas dasar itu, menurut Firanda Andirja (2012) kebanyakan di antara para penuntut ilmu berpaling dari mencari *sanad* hadith di zaman sekarang. Ini kerana, mereka melihat bahawa tidak ada faedah dari usaha tersebut. Namun, tidak dinafikan bahawa masih ada para penuntut ilmu dan para ulama yang melestarikan periwayatan hadith dengan *sanad-sanad* tersebut bagi tujuan mengekalkan tradisi ini dalam pengajian Islam.

Dengan itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa *sanad* pada zaman dahulu dan kini tidak mempunyai tujuan yang sama. *Sanad* pada zaman dahulu bertujuan untuk (1) mengenalpasti identiti para perawi yang terkandung dalam jalur periwayatan hadith (2) menilai status para perawi dari sudut sifat *ʿadalah* dan *dabit* (3) menentukan kredibiliti para perawi dalam periwayatan sama ada ianya diterima atau ditolak dan (4) menentukan kesahihan sesebuah hadith. Manakala pada zaman ini, tujuan *sanad* lebih untuk (1) mengekalkan *silsilah* (rantai) *sanad* (2) meneruskan tradisi pembelajaran ulama terdahulu (3) mendapatkan *tabarruk* (keberkatan) lantaran terdapat kesinambungan *sanad* tersebut kepada Rasulullah sa.w. Oleh itu, kajian ini lebih cenderung kepada pendapat yang mengatakan aplikasi *sanad* dalam pengajian Islam pada masa kini dilihat tidak relevan lantaran tujuan *sanad* sudah tertunai. Di samping, keberadaan *sanad* kurang bermanfaat kerana para perawi di zaman sekarang tidak boleh diperiksa kredibilitinya.

## KESIMPULAN

Jika mencari *sanad* hadith didapati kurang relevan pada zaman kini, bahkan ia lebih lagi didapati tidak relevan untuk *sanad-sanad* bagi selain hadith yang meliputi pelbagai ilmu pengajian Islam. Ini kerana perbincangan di atas sudah menjelaskan bahawa tujuan *sanad* ialah untuk menyelidiki kredibiliti perawi hadith. Untuk menyelidiki kredibiliti mereka pula ia bermula dari pembuku kitab hadith sehingga kepada Nabi saw. Justeru, kedudukan perawi selepas pembuku kitab hadith tidak perlu diselidiki dan keberadaannya tidak memberikan manfaat bagi tujuan pentashihan tersebut. Oleh itu, jelas bahawa *sanad* pada zaman kini tidak mempunyai kerelevannya dalam pengajian Islam. Tetapi, dapatan kajian ini tidak bermakna ingin mengeneplikasi aplikasi *sanad* dalam pengajian Islam pada zaman ini. Aplikasi *sanad* adalah satu tradisi pengajian Islam yang harus dikekalkan. Tetapi mengekalkannya bukan bermakna mengaplikasikannya kepada semua ilmu dan menafikan keilmuan lain yang tidak *bersanad*. Justeru, implikasi dari kajian ini dapat menyelamatkan pusat, fakulti dan institusi pengajian Islam yang tidak mengaplikasikan sistem *sanad* dari sebarang penolakan yang tidak berasas oleh mana-mana individu, pelajar dan masyarakat Islam. Kajian ini seterusnya mencadangkan agar satu garis panduan aplikasi *sanad* dibentuk bagi institusi dan pusat pengajian agama yang mengendalikan sistem pengajian *bersanad* pada masa kini. Garis panduan ini penting untuk membantu mengekalkan dan memperhalusi sistem pembelajaran ilmu-ilmu Islam secara *bersanad* yang sedia ada. Dalam masa yang sama, ia dapat memberikan kefahaman kepada masyarakat Islam tentang tujuan *sanad* pada masa kini dan mengelakkan dari dakwaan-dakwaan yang melampau dalam aplikasi *sanad*.

## NOTA HUJUNG

1. *Al-Sawad al-A'zam*: Menurut Raja Ahmad Mukhlis, *al-Sawad al-A'zam* adalah ahl al-Sunnah wal Jamaah – (Raja Ahmad Mukhlis, Ilmu Warisan Nabawi Merentasi Zaman (2): As-Sawad al-A'zhom dalam Tradisi Keilmuan Islam, 2011, <http://mukhlis101.multiply.com/journal/item/325> [22 Mac 2012]). Istilah ini diambil dari sebuah hadith yang berbunyi:

لا يجمع الله هذه الأمة على الضلالة أبدا، وقال: يد الله على الجماعة، فاتبعوا السواد الأعظم، فإنه من شد شد في النار.

Hukum hadis: Hadis ini dinilai sebagai Gharib oleh Abu Nu'aim dalam *Hilyah al-Auliya'* (3/42), Ibn Hajar menilainya sebagai daif dalam kitab *Ittihaf al-Mahrah* (8/529) dan Ibn Hazm pula menilai hadis ini munkar tidak boleh berhujjah dengannya.

Hadis ini juga diriwayatkan oleh Anas bin Malik dengan lafaz yang berbeza tetapi mengandungi maksud yang sama sebagaimana berikut:

إن أمتي لا تجتمع على ضلالة فإذا رأيتم الاختلاف فعليكم بالسواد الأعظم الحق وأهله.

Untuk hukum bagi hadis ini pula al-Mizzi telah menilainya sebagai Munkar al-Hadith dalam kitab Tahzib al-Kamal (21/207). Manakala Ibn Kathir dalam kitab *Nihayah al-Bidayah wa al-Nihayah* (1/128), al-‘Iraqi dalam kitab *Takhrij Mukhtasar al-Minhaj* (No. 56) dan al-Albani dalam kitab *Daif al-Jami’* (No 1815), *al-Silsilah al-Dai’fah* (No. 2896) dan *Dha’if ibn Majah* (No. 789) telah menilai hadis ini sebagai daif. [Semua hukum hadis dalam kertas cadangan ini dipetik dari laman web: Al-Durar al-Saniyyah, al-Mausul’ah al-Hadithiah Taisir al-Wusul Ila Ahadith al-Rasul saw. t.th, <http://www.dorar.net/enc/hadis> [15 Mei 2012] melainkan jika dinyatakan sebaliknya].

2. Nur al-Din ‘Itr (1997) dalam kitabnya *Manhaj al-Naqdi fi Ulum al-Hadith* telah menjelaskan tentang sifat *‘adalah* dan *dabit* tersebut. Beliau mengemukakan pandangan Ibn Salah yang menyatakan bahawa:
 

“Jumhur ulama Hadith dan Fiqh telah bersepakat bahawa mereka yang dijadikan hujjah periwayatannya ialah orang yang adil, serta dhabit terhadap apa yang diriwayatkan. Perinciannya ialah: dia hendaklah seorang Muslim, baligh, berakal, selamat dari sebab-sebab yang membawa kepada kerosakan dan kemusnahan maruah, seorang yang sedar dan tidak lalai, seorang yang menghafal jika dia berbicara berdasarkan hafalannya dan seorang yang dhabit dalam penulisannya jika dia berbicara berdasarkan penulisannya. Manakala, jika dia berbicara berdasarkan makna, dia disyaratkan juga mempunyai ilmu dengan apa yang berkaitan dengan makna” (hlm. 78-79).
3. *Kitab al-Tabaqat*: Meliputi perbincangan tentang perawi hadith dikalangan sahabat, tabiin dan tabi tabiin.
4. *Kitab Ma’rifah al-Sahabah*: Kitab khas membahaskan biodata para sahabat Nabi s.a.w.
5. *Kitab Jarh wa al-Ta’dil*: Kitab yang menjelaskan keadaan perawi hadith dai sudut kethiqahan dan kedhaifan mereka.

## RUJUKAN

- Abu Ghuddah, ‘Abd al-Fattah. 1992. *al-Isnad min al-Din wa Safhah Musyrifah min Tarikh Sama’i al-Hadith ‘inda al-Muhadithin*. Bayrut: Dar al-Qalam.
- Abu Zahwu, Muhammad Muhammad. 1984. *al-Hadith wa al-Muhaddithun*. al-Riyad: Syarikah al-Tiba’ah al-‘Arabiyyah al-Sa’uudiyyah.
- Ahamad Asmadi Sakat. 2014. *Pendapat Ibn Salah tentang Sanad pada zaman ini*. Temubual, 25 April.
- al-A’za’i, Muhammad Mustafa. 1992. *Dirasat fi al-Hadith al-Nabawiyy wa tarikh tadwinihi*. Jil. 2., Beirut: al-Maktab al-Islamiyy.
- al-A’zami, Muhammad Mustafa. 2003. *The History of the Quranic Text from revelation to compilation A comparative study with the old testament and New Testament*. Leicester: UK Islamic Academy.



- al-<sup>o</sup>Umari, Akram Diya. 1984. *Buhuth Fi Tarikh al-Sunnah al-Musyarrafah*. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-<sup>o</sup>Ulum wa al-Hikam.
- al-Durar al-Saniyyah. t.th. al-Mausul'ah al-Hadithiah Taisir al-Wusul Ila Ahadith al-Rasul s.a.w. <http://www.dorar.net/enc/hadis> [15 Mei 2012].
- Ali Tantawi. .2006. Pendapatku Tentang *Sanad*. <http://www.al-ahkam.net/home/content/pendapatku-tentang-sanad> [10April 2012]
- al-Khatib al-Baghdadi. 1975. *al-Rihlah fi Talab al-Hadith*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- al-Khatib al-Baghdadi. 1983. *al-Jamic li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Samic*. Jil. 2. Riyad: Maktabah al-Macarif.
- al-Ramahurmuzi, al-Hasan ibn <sup>o</sup>Abd al-Rahman.1971. *Al-Muhaddith al-Fasil Baina al-Rawi wa al-Wa<sup>o</sup>i*. Beirut:Dar al-Fikr.
- al-Siba<sup>o</sup>i, Mustafa. 2003. *al-Sunnah wa Makanatuhafi al-Tasyri<sup>o</sup>*. Bayrut: Dar al-Warraq.
- al-Zahrani, Muhammad ibn Matr. 2005. *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyyah Nasy'atuhu wa Tatawwaruhu*. al-Riyad: Maktabah Dar al-Minhaj.
- al-Zahrani, Muhammad ibn Matr. 2010. *Ilm al-Rijal Nasy'atuhu wa Tatawwaruhu min al-Qurn al-Awwal ila Nihayah al-Qurn al-Tasi<sup>o</sup>*. al-Riyad: Maktabah Dar al-Minhaj.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Latifah Abdul Majid & Mohd Arif Nazri. 2013. Penerokaan Talaqqi bersanad (TB) dalam Pengajian Hadis di Malaysia. *Islamiyyat* 35(2): 67 – 76.
- Firanda Andirja Abidin. 2012. Ketika Sang Habib dikritik. t.tp: Naasirussunnah.
- Graham, A.William. 1993. Traditionalism in Islam. *The Journal of Interdisciplinary History* 23(3):495-522 <http://www.jstor.org/stable/206100> [29 Mac 2012].
- Ibn Jamacah, Muhammad ibn Ibrahim, 1986. *Al-Mihal al-Rawi fi Mukhtasar cUlum al-Hadith*.Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Salah. 1995. *Muqaddimah ibn Salah*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- Khafidz Soroni. 2014. Pengajian Bersanad Tetap Relevan. Q&A April: 50-52.
- Khalid Marghub.2009. *Makanah al-Ijazah <sup>o</sup>inda al-Muhaddithin baina al-Ifrat wa al-Tafrit al-Hasilin fiha min ba<sup>o</sup>di al-Muhaddithin*. t.tp: al-Ummah.
- Mahmud Tahhan. 1996. Taisir Mustalah al-Hadith, al-Riyad: Maktabah al-Ma<sup>o</sup>arif fi al-Nasyr wa al-Tauzi<sup>o</sup>.
- Mohd Asri Yusof. 2012. Apakah Pada Hari Ini Pengajian Bersanad Menjadi Satu Kemestian? Video. <http://youtu.be/YXRgTF5AwG8> [30September 2014].
- Mohd Asri Zainal Abidin. 2011. Hukum Mengaji Tanpa *Sanad* Sendiri.<http://drmaza.com/home/?p=1411> [30 Mac 2012].
- Muhammad <sup>o</sup>Ajjajal-Khatib. 1988. *al-Sunnah Qabla al-Tadwin*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Muhammad cAjjajal-Khatib. 1989. *Usul al-Hadith cUlumuhu wa Mustalahuhu*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Zubayr Siddiqi.1993. *Hadith Literature: Its Origin, Development & Special Features.*, Cambridge: The Islamic texts society.

- Munzir. 2007. Paham Salafy (Wahaby). [http://majelisrasulullah.org/index.php?option=com\\_simpleboard&Itemid=&func=view&catid=7&id=9654#9654](http://majelisrasulullah.org/index.php?option=com_simpleboard&Itemid=&func=view&catid=7&id=9654#9654) [30 September 2014].
- Munzir. 2011. *Sanad & Berdakwah*. [http://majelisrasulullah.org/index.php?option=com\\_simpleboard&Itemid=&func=view&catid=9&id=26683#26683](http://majelisrasulullah.org/index.php?option=com_simpleboard&Itemid=&func=view&catid=9&id=26683#26683) [30 September 2014].
- Muslim ibn al-Hajjaj al-Qusyairy al-Naisaburiyy. 2001. Sahih Muslim. Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- Nur al-Din cItr, 1997. Manhaj al-Naqdi ficUlum al-Hadith. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Raja Ahmad Mukhlis, 2011b. Ilmu Warisan Nabawi Merentasi Zaman (2): As-Sawad al-A'zhom dalam Tradisi Keilmuan Islam. <http://mukhlis101.multiply.com/journal/item/325> [22 Mac 2012].
- Raja Ahmad Mukhlis. 2011a. Ilmu Warisan Nabawi Merentasi Zaman (1): Tradisi Pengajian Ilmu Agama dalam Amalan Ulama. <http://mukhlis101.multiply.com/journal/item326> [22 Mac 2012].
- Raja Ahmad Mukhlis. 2011c. Ilmu Warisan Nabawi Merentas Zaman (3): al-Turath al-Islami dalam Tradisi Keilmuan Islam, <http://mukhlis101.multiply.com/journal/item324> [22 Mac 2012].

\*Sakinah Saptu  
Jabatan Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
E-mel:usakinahsaptu@gmail.com